



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL 7/2000

BANTUAN KEWANGAN PADA KADAR 95 PERATUS BAGI KOS LATIHAN YANG DIBENARKAN UNTUK MAJIKAN DI NEGERI SABAH DAN SARAWAK

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling majikan ini adalah untuk memaklumkan majikan mengenai bantuan kewangan pada kadar 95 peratus bagi kos latihan yang dibenarkan untuk majikan Sabah dan Sarawak berkuatkuasa mulai 2 Mac 2000. Ini adalah untuk menggalakkan mereka supaya lebih aktif dalam melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja.

2. LATARBELAKANG

2.1 Majlis Pembangunan Sumber Manusia dimaklumkan bahawa Negeri Sabah dan Sarawak kini tidak mempunyai ramai penyedia latihan. Oleh yang demikian, mereka senantiasanya menghantar pekerja mereka ke Semenanjung Malaysia yang melibatkan kos tambang kapalterbang dan lain-lain. Dengan itu, kos untuk melatih pekerja bagi majikan di Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi berbanding dengan majikan di Semenanjung yang mempunyai banyak pilihan untuk melatih pekerja. Dengan itu untuk membantu majikan melatih semula pekerja dengan lebih aktif, kadar bantuan kewangan dinaikkan kepada kadar 95 peratus dari pada kos yang dibenarkan.

3. BANTUAN KEWANGAN PADA KADAR SEMBILAN PULUH LIMA PERATUS

3.1 Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) dalam mesyuaratnya Bil 1/2000 pada 2 Mac 2000 telah membuat keputusan bahawa majikan di Sabah dan Sarawak layak mendapat bantuan kewangan pada kadar 95 peratus bagi semua bidang kemahiran untuk tempoh 2 tahun berkuatkuasa mulai 2 Mac 2000. Perlu diingatkan bahawa kelulusan ini adalah merupakan tempoh sementara sahaja dan akan dikaji semula selepas tempoh tersebut.

3.2 Pemberian bantuan kewangan pada kadar 95 peratus ini adalah tidak melibatkan Skim Pembelian Alat Bantuan Latihan/Mengadakan Bilik Latihan, Skim Latihan Berasaskan Komputer dan Skim Latihan Teknologi Maklumat dan Latihan Berbantu Komputer. Bagi latihan di luar negeri, kadar bantuan kewangan adalah kekal pada kadar 50 peratus daripada kos latihan yang dibenarkan.

4. PENUTUP

4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 2 Mac 2000.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

[RUSNAN BIN SAMAT]

Pengarah
Bahagian Geran Latihan
b.p. Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

